

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober /November 1996

HMT 305 Sosiologi Bahasa (Penerapan Kepada Bahasa Malaysia)

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI
DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab mana-mana EMPAT [4] soalan.

Tulis nombor 1 hingga 7 secara berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

1. Menggunakan pendekatan yang digunakan oleh ahli-ahli sosiologi bahasa yang terdahulu untuk menghuraikan konsep komuniti bahasa, kenalpasti faktor-faktor yang diperlukan dalam mentakrifkan komuniti bahasa Melayu di Malaysia.
[25 markah]
2. Dengan contoh yang memadai, bincangkan faktor-faktor sosial yang menghasilkan variasi sosial bahasa Melayu di Malaysia.
[25 markah]
3. Apakah faktor-faktor yang menghalang keseragaman sebutan bahasa Melayu baku di Malaysia?
[25 markah]
4. Menggunakan formula Ferguson (1971), yang diubahsuai oleh Asmah Haji Omar (1984), huraikan profil sosiolinguistik di Malaysia.
[25 markah]

5. Bandingkan dan bezakan ciri-ciri diglosia yang diutarakan oleh Ferguson (1959) dan Fishman (1967). Cuba sesuaikan dan kemudian terapkan konsep kedua-dua diglosia ini kepada situasi bahasa di Malaysia.
- [25 markah]
6. Mengapakah terdapat komuniti pelbagai bahasa di Malaysia? Apakah corak asas dwibahasa masyarakat yang wujud akibat pertembungan bahasa dalam masyarakat pelbagai bahasa ini?
- [25 markah]
7. Huraikan perkara berikut secara ringkas dengan menyertakan contoh-contoh daripada bahasa Melayu:
- [a] Fungsi bahasa kebangsaan sebagai lambang, pemersatu, pemisah, prestij dan kerangka rujukan. [5 markah]
 - [b] Faktor yang membezakan dialek dengan bahasa. [5 markah]
 - [c] Kawasan geografi linguistik. [5 markah]
 - [d] Dasar Bahasa di Malaysia. [5 markah]
 - [e] Sikap terhadap bahasa. [5 markah]